



BULETIN MOT



30 OGOS 2022

Tambang Percuma Sebulan Untuk Orang Kelainan Upaya (OKU)



ALASIA



1 OKTOBER 2022

Malaysia Memperoleh Semula Kategori 1 Penarafan IASA oleh FAA Amerika Syarikat



8 OKTOBER 2022

Acara Kemuncak Hari Sukan Negara 2022 (HSN2022) Peringkat MOT



12 DISEMBER 2022

Lawatan Kerja Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook ke KLATCC



29 OGOS 2022

Majlis Pecah Tanah MIROS Technology Test Track (MIROS MT3)



11-14 OGOS 2022

Pameran Rail Technology Expo 2022 (RTX 2022)



6 DISEMBER 2022

YB Loke Siew Fook Kembali Ke Portfolio Beliau Sebagai Menteri Pengangkutan



22 DISEMBER 2022

Majlis Penganugerahan Sijil MS ISO 39001:20123 kepada MIROS



Pengangkutan Mampan Nadi Pembangunan Negara

Sustainable Transport the Heart Of National Development

Majlis Resepsi Minum Petang Bagi Pihak Kerajaan Malaysia Sempena Pencalonan Semula Negara Sebagai Ahli Majlis ICAO Kategori III Bagi Penggal 2022–2025 Pada Perhimpunan Agung ICAO ke-41

7 JULAI 2022 - Majlis yang bertujuan memperjelas komitmen dan kesediaan Malaysia untuk terus menyokong inisiatif Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) dalam memastikan perkhidmatan penerbangan yang selamat dan efisien, telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran seramai 62 diplomat asing daripada 58 buah negara.



Sepanjang menduduki Kerusi Ahli Majlis ICAO selama 5 penggal, Malaysia telah memainkan peranan penting dalam ICAO menerusi pelbagai Panel, Jawatankuasa dan Pasukan Kerja. YB Menteri Pengangkutan telah menyatakan komitmen tinggi Malaysia dan sokongan berterusan terhadap inisiatif-inisiatif serta program-program ICAO demi mencapai matlamat penerbangan awam global yang selamat, mampan dan progresif.

Sambutan Hari Belia Negara 2022 Peringkat Kebangsaan

15-17 JULAI 2022 - Kementerian Pengangkutan (MOT) dan jabatan / agensi di bawahnya iaitu Jabatan Laut Malaysia (JLM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah telah mengambil bahagian sebagai pempamer pada HBN 2022 yang telah berlangsung di Tuaran, Sabah.



Selain pemeran, antara aktiviti yang telah dijalankan oleh MOT serta jabatan / agensi adalah JPJ Mobile bagi urusan berkenaan JPJ serta perkhidmatan pemeriksaan kenderaan. Selain itu, advokasi keselamatan jalan raya juga turut diadakan dan disampaikan oleh Dr. Wong Yau Duenn, Pengarah Bahagian Keselamatan Jalan Raya, JPJ serta Pasukan JPJ Sabah.





Pameran Rail Technology Expo 2022 (RTX 2022)

11-14 OGOS 2022 - RTX 2022 dianjurkan bersama Kementerian Pengangkutan (MOT) menerusi Bahagian Darat dan National Rail Centre of Excellence (NRCOE) dengan kerjasama Malaysia Rail Industry Corporation (MARIC) serta Technology Depository Agency Berhad (TDA) berlangsung di KL Sentral.



Turut diadakan program sampingan iaitu Mini Pameran Kerjaya bagi menarik golongan belia menyertai sektor pengangkutan sebagai kerjaya pilihan. Pameran Mini Kerjaya ini telah berjaya menarik seramai lebih dari 600 pengunjung yang mencuba nasib menyertai kerjaya di sektor pengangkutan.



Majlis Pecah Tanah MIROS Technology Test Track (MIROS MT3)

29 OGOS 2022 - Majlis Pecah Tanah MIROS MT3 disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong. Pembinaan litar uji sepanjang satu (1) kilometer ini akan menjadi perintis kepada pelbagai ujian sistem keselamatan aktif dan pasif pada kenderaan di rantau Asia Tenggara amnya dan Malaysia khususnya. Ia selari dengan usaha kerajaan di bawah Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2022-2030 yang memfokuskan kepada penggunaan kenderaan yang lebih selamat merangkumi isu-isu kebolehjalanan melibatkan kenderaan sedia ada dan persediaan ke arah penggunaan kenderaan generasi baharu.



Pembinaan litar uji ini adalah selari dengan pelantikan MIROS sebagai Pusat Keselamatan Jalan Raya ASEAN yang berperanan untuk menyumbang dan mempromosikan pengetahuan mengenai keselamatan jalan raya dalam kalangan negara anggota ASEAN.

Tambang Percuma Sebulan Untuk Orang Kelainan Upaya (OKU)

30 OGOS 2022 - Sempena Hari Kebangsaan 2022, tambang percuma selama sebulan kepada Orang Kelainan Upaya (OKU) bagi semua perkhidmatan pengangkutan awam di bawah kendalian Prasarana iaitu bas (Rapid KL, Rapid Penang, BRT dan Rapid Kuantan) dan tren (LRT, MRT, dan Monorel).



Inisiatif ini bermula pada 31 Ogos 2022 sehingga 30 September 2022. Kemudahan ini bakal memanfaatkan pengguna di kalangan OKU bagi perkhidmatan bas dan rel dengan purata masing-masing seramai 23,527 dan 26,762 orang bagi tempoh sebulan.



Majlis Pelancaran Program Keselamatan Penerbangan Kebangsaan atau State Safety Program (SSP) oleh YB Menteri Pengangkutan

13 SEPTEMBER 2022 - Pelancaran program ini bertujuan untuk memperkasakan agenda keselamatan penerbangan negara agar ia dapat terus diberikan penekanan dan perhatian yang serius oleh semua pihak terutamanya dalam kalangan pemain industri penerbangan negara.



Ini selari dengan komitmen kerajaan ke arah menjadikan sektor pengangkutan udara lebih selamat dan selaras dengan keperluan Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) bagi setiap negara pejanji untuk mewujudkan SSP sebagai salah satu pendekatan proaktif mengurangkan risiko berkait dengan keselamatan.

Malaysia Memperoleh Semula Kategori 1 Penarafan Penilaian Keselamatan Penerbangan Antarabangsa (IASA) oleh Pentadbiran Penerbangan Persekutuan (FAA) Amerika Syarikat (AS)

1 OKTOBER 2022 - Sukacita diumumkan, FAA secara rasminya telah mengumumkan bahawa Malaysia telah memperoleh semula Kategori 1 penarafan IASA.



Penarafan Kategori 1 bermakna pihak berkuasa penerbangan awam negara itu mematuhi piawaian ICAO. Dengan penarafan IASA Kategori 1, syarikat penerbangan negara boleh mewujudkan perkhidmatan ke Amerika Syarikat dan membawa kod syarikat penerbangan AS.

Syabas buat seluruh warga CAAM atas usaha gigih dan komitmen terhadap kejayaan yang amat membanggakan ini.



Rangkuman Sesi Kunjungan Hormat Sepanjang Bulan Julai Sehingga Disember 2022

13 Julai 2022

Kunjungan Hormat Daripada Puan Eva Oskam, Timbalan Ketua Misi Dan Ketua Bahagian Ekonomi, Kedutaan Belanda Di Kuala Lumpur Ke Atas YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha MOT



12 Ogos 2022

Perjanjian Pengiktirafan Bersama (MRA) Dua Hala Pertama Malaysia Dengan Republik Maldives (Menteri Pengangkutan Dan Penerangan Awam Maldives, Puan Yang Terutama, Aishath Nahula)



15 Ogos 2022

**Kunjungan Hormat Oleh Duta Besar Sweden Ke Malaysia,
TYT Dr. Joachim Bergström Ke Atas
Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong**



30 November 2022

**Kunjungan Hormat TYT Paul Huijts,
Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri Belanda Ke MOT**



22 Disember 2022

**Sesi Kunjungan Hormat YBhg. Datuk Seri Jean Todt, Wakil Khas Kepada
Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
Bagi Keselamatan Jalan Raya Ke Atas
YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia**



Malaysia Kekal Sebagai Ahli Majlis ICAO Untuk 6 Penggal Berturut-turut Sejak Tahun 2007

5 OKTOBER 2022 - Menerusi pemilihan yang dijalankan pada 4 Oktober 2022 di Montreal Kanada ketika berlangsungnya Perhimpunan Agung ICAO, Malaysia telah memperoleh 136 undi.



Kejayaan ini adalah hasil sokongan, kerja keras dan dedikasi yang telah ditunjukkan oleh Wakil Tetap Malaysia ke ICAO, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Kanada, para pegawai Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), Kementerian Luar Negeri (KLN), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Pihak Berkuasa Penerangan Awam Malaysia (CAAM) dan Suruhanjaya Penerangan Malaysia (MAVCOM), serta pihak industri penerangan awam Malaysia khususnya Malaysia Airlines Berhad, AirAsia, Batik Air, Raya Airways, Myjet Express, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dan Senai Airport Terminal Services Sdn Bhd.

Malaysia akan terus memberikan komitmen berterusan kepada ICAO untuk mempertahankan dan menegakkan aspek-aspek keselamatan penerangan awam, inovasi dan kemapanan penerangan global, serta memanfaatkan kemenangan ini untuk kepentingan rakyat dan negara secara keseluruhannya.

Program Keceriaan Dan Pertandingan Perbarisan Antara Kementerian Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2022

7 OKTOBER 2022 - Kementerian Pengangkutan (MOT) telah dianugerahkan penarafan lima bintang dalam Program Keceriaan Antara Kementerian Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2022 serta menduduki tempat kedua dalam Pertandingan Perbarisan Hari Kebangsaan 2022. Program Keceriaan antara Kementerian telah dilaksanakan bagi tempoh 30 Julai hingga 16 September lalu yang dinilai melalui kreativiti pengibaran Jalur Gemilang serta aktiviti penghayatan patriotisme dan pengiktirafan diberikan melalui penarafan bintang.



YBhg. Dato' Normah Binti Osman, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MOT yang juga merupakan ketua kontinjen perbarisan MOT telah menerima penganugerahan tersebut dalam Majlis Apresiasi Program Keceriaan dan Perbarisan Hari Kebangsaan 2022 Antara Kementerian bersama Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali yang berlangsung pada 6 Oktober 2022.





Acara Kemuncak Hari Sukan Negara 2022 (HSN2022) Peringkat MOT Dengan Kerjasama Kelab Sukan Dan Kebajikan Kementerian Pengangkutan (KSKKP)

8 OKTOBER 2022 - Hari Sukan Negara telah meletakkan aktiviti sukan dan riadah sebagai satu medium bagi menerapkan gaya hidup aktif dan cergas sepanjang hayat dalam kalangan Keluarga Malaysia seperti yang dihasratkan dalam Dasar Sukan Negara. Pembudayaan sukan bertujuan meningkatkan tahap kecergasan fizikal dan mental masyarakat, mengenal pasti bakat sukan, meningkatkan produktiviti, menjana kesejahteraan dan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan Keluarga Malaysia.



HSN2022 peringkat MOT pada kali ini disertai oleh pegawai dan warga kerja MOT, Pengurusan Tertinggi MOT serta Jabatan dan Agensi. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah zumba, berjalan sejauh 2.1 kilometer, berbasikal sejauh 7 km, menaiki tangga setinggi 10 tingkat, pertandingan sukan seperti bola tampar antara aras, pertandingan sukan dalaman seperti karom, batu seremban dan congkak. Selain itu, diadakan juga acara pemberian hadiah kepada pemenang pertandingan serta cabutan bertuah.



Mesyuarat ke-54 Pegawai-Pegawai Kanan Pengangkutan ASEAN dan Mesyuarat-Mesyuarat Bersama Rakan Dialog ASEAN (54th STOM)

16 OKTOBER 2022 - YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan mengetuai delegasi Malaysia ke mesyuarat ini pada 14-15 Oktober 2022 di Bali, Indonesia. Sesi mesyuarat ini membincangkan isu-isu sektor pengangkutan darat, udara dan maritim, serta sektor logistik di kalangan negara-negara ASEAN serta negara rakan dialog ASEAN seperti China, Jepun, EU dan Republik Korea.



YBhg Datuk Isham Ishak mewakili Malaysia selaku pengurus kepada Meeting of the Special Working Group on the Singapore-Kunming Rail Link (SWG SKRL) turut melaporkan hasil mesyuarat 23rd SWG SKRL yang telah diadakan secara atas talian pada 23 September 2022.

Di samping itu, mesyuarat turut memuktamadkan dokumen perjanjian ASEAN EU Comprehensive Air Transport Agreement (AE CATA) serta ASEAN Agreement on Aeronautical and Maritime Search and Rescue Operation yang akan ditandatangani oleh negara-negara ASEAN dalam Mesyuarat ke-28 Menteri-Menteri Pengangkutan ASEAN dan Mesyuarat Bersama Rakan Dialog ASEAN (28th ATM).

Program Sambutan Hari Integriti

11 NOVEMBER 2022 - Program Hari Integriti MOT mempunyai dua sesi iaitu sesi aktiviti fizikal yang bertemakan Integriti dan forum bertajuk Santai Petang Integriti. Program Sambutan Hari Integriti MOT telah dihadiri oleh 250 orang peserta yang terdiri daripada warga Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawah MOT.



Antara aktiviti yang diadakan ialah kuiz berkenaan integriti dan peraturan-peraturan jabatan. Seterusnya, aktiviti Explorace – Smart Integrity iaitu aktiviti penyelesaian masalah di checkpoint yang tertentu yang dapat meniup semangat kerja berpasukan dan memelihara amanah serta pengurusan masa yang cekap. Di sebelah petang, sesi forum khas diadakan untuk mengupas beberapa isu-isu integriti yang melibatkan kesalahan rasuah, penyelewangan dan salah guna kuasa yang sering kali dilaporkan dalam media massa.



Ekspo Permotoran Malaysia (MME)

11-13 NOVEMBER 2022 - MME ini adalah satu sesi pameran permotoran generasi baharu yang menyasarkan kepada peningkatan kuasa membeli kenderaan dengan menggunakan teknologi pintar. Pameran ini turut disertai oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan PUSPAKOM Sdn. Bhd.



Dalam pameran kali ini, MOT serta jabatan dan agensi ini mengetengahkan usaha-usaha, inisiatif, program dan dasar berkaitan kempen/advokasi bagi mempertingkatkan keselamatan jalan raya merangkumi elemen undang-undang, peraturan dan kajian berkaitan teknologi keselamatan kendaraan.

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Horizon Baharu Kementerian Pengangkutan Malaysia 2022

31 NOVEMBER 2022 - Penganjuran Konvensyen KIK Horizon Baru Peringkat MOT yang julung-julung kalinya diadakan ini merupakan komitmen dan inisiatif Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya bagi menyemai dan memperkasakan budaya inovasi dan kreativiti di kalangan warga kerja Kementerian dan juga agensi.



Majlis Perasmian Konvensyen telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Normah Osman, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar). Konvensyen selama dua (2) hari ini merangkumi pelbagai aktiviti yang melibatkan pembentangan setiap kumpulan, pameran projek dan lain-lain. Konvensyen pada kali ini telah disertai oleh 12 buah kumpulan bagi merebut setiap anugerah yang dipertandingkan.



Rangkuman Sesi Lawatan Kerja Sepanjang Bulan Julai Sehingga Disember 2022


15 Julai 2022

Lawatan Kerja Pengerusi Majlis Pemulihan Negara Ke Pelabuhan Klang



22 Julai 2022

Lawatan YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha MOT ke Battersea Power Station Regeneration Project yang dimiliki oleh Konsortium Firma Malaysia



29 Julai 2022

Lawatan YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha MOT ke Lapangan Terbang Antarabangsa Senai (LTAS) yang dioperasikan oleh Senai Airport Terminal Services Sdn Bhd (SATSSB)



2 September 2022

Lawatan YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha MOT ke Tapak Projek Menaik Taraf Terminal dan Jeti Kuala Kedah dan Kerja-Kerja Pengurukan Untuk Keselamatan Pelayaran di Alur Pelayaran Kuala Kedah



19 September 2022

Lawatan YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha MOT ke Istanbul Sabiha Gökçen International Airport (ISG) milik Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB)



12 Disember 2022

**Lawatan Kerja Rasmi Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook
ke Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (KLATCC)**



14 Disember 2022

**Lawatan Kerja Rasmi Timbalan Menteri Pengangkutan,
YB Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah ke
Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (KLATCC)**



YB Loke Siew Fook Kembali Ke Portfolio Beliau Sebagai Menteri Pengangkutan Malaysia Telah Memulakan Tugas Secara Rasmi

6 DISEMBER 2022 - Ketibaan YB Loke disambut oleh YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha MOT, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) YBhg. Dato' Normah Osman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) YBhg. Dato' Razali Mohamad serta Setiausaha-Setiausaha Bahagian dan Ketua-Ketua Unit di MOT.



Sebagai simbolik memulakan tugas rasmi, YB Loke mengimbas kad perakam waktu (clock-in) di lobi MOT sambil diiringi oleh KSU MOT. YB Loke seterusnya telah diraikan pada Majlis Perjumpaan dan Selamat Datang YB Menteri yang diadakan di Dewan Serbaguna MOT.

Dalam ucapan sulungnya, beliau menegaskan agenda utama yang akan diberi perhatian dan penekanan dalam memperkasakan peranan MOT iaitu menfokuskan kepada Pendigitalan Perkhidmatan, Pemerksaan kepada Pengangkutan Awam dan Peningkatan Kesedaran terhadap Keselamatan Jalan Raya.

YB Datuk Haji Hasbi Bin Haji Habibollah Telah Memulakan Tugas Secara Rasmi Di Kementerian Pengangkutan

12 DISEMBER 2022 - YB Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah yang dilantik semula sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan setelah pengumuman barisan Timbalan Menteri oleh Perdana Menteri Malaysia pada 9 Disember 2022 dan Istiadat Majlis Mengangkat sumpah oleh semua barisan Timbalan Menteri di Istana Negara baru-baru ini.



Ketibaan YB Timbalan Menteri disambut oleh YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha MOT dan Setiausaha-Setiausaha Bahagian di MOT. YB Timbalan Menteri telah mengimbas kad perakam waktu (clock-in) di lobi MOT sambil diiringi oleh KSU MOT.



Majlis Penganugerahan Sijil MS ISO 39001:20123 kepada Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) serta Majlis Penutup Program Pemerkasaan Sistem Pengurusan Keselamatan Trafik Jalan Raya

22 DISEMBER 2022 - Program ini merupakan satu platform untuk menyebarkan luas tentang pelaksanaan sistem pengurusan keselamatan jalan raya di Malaysia khususnya kepada pemain industri dan agensi kerajaan yang berkaitan bagi meneliti dan mendapatkan maklum balas mengenai draf *Malaysian Standard (MS) Road traffic safety - good practices for platform provider in implementing work-related road traffic safety.*



Turut hadir ke majlis tersebut ialah YBhg. Datuk Seri Jean Todt, Utusan Khas kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi Keselamatan Jalan Raya. Beliau turut memuji inisiatif Jabatan Standard Malaysia (JSM) dalam memperkasakan sistem pengurusan keselamatan trafik jalan raya di Malaysia.

Majlis penganugerahan ini telah disaksikan oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan dan YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha MOT.

Majlis Pengumuman Penerbangan Tambahan Istimewa dan Tambang Rendah Tetap AirAsia sempena sambutan Tahun Baharu Cina

28 DISEMBER 2022 - Sempena dengan sambutan Tahun Baharu Cina 2023, AirAsia telah menawarkan tambang murah sehala iaitu hanya RM199* dari Kuala Lumpur ke Kuching, Sibu, Bintulu dan Miri, juga dari Johor Bahru ke Kuching, Sibu, Bintulu dan Miri. Manakala penerbangan sehala dari Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu dan Tawau juga dari Johor Bahru ke Kota Kinabalu dengan tambang hanya RM249*.



Kementerian Pengangkutan (MOT) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada syarikat penerbangan AirAsia yang komited dalam menyokong inisiatif kerajaan dalam mengurangkan kadar harga tambang dan menambah bilangan kekerapan penerbangan semasa musim perayaan. MOT juga menyeru dan menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan yang lain untuk bersama-sama menyokong inisiatif seperti ini dalam usaha Kerajaan untuk mengurangkan kos perjalanan.

Penglibatan Kementerian Pengangkutan di Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) Sepanjang Bulan Julai Sehingga Disember 2022

22 - 24 Julai 2022

Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) Peringkat Negeri Kelantan



5 - 7 Ogos 2022

Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) Peringkat Negeri Sarawak



19 - 21 Ogos 2022

Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) Peringkat Negeri Selangor



2 - 4 September 2022

Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) Peringkat Negeri Kedah



6 - 9 Oktober 2022

Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) Peringkat Negeri Sembilan



14 - 16 Oktober 2022

Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) Peringkat Negeri Melaka



28 - 30 Oktober 2022

Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) Peringkat Negeri Pahang

